

UMS azam ganda usaha lakar lebih banyak kejayaan

BH 2-1-2014 12

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang genap dua dekad penubuhannya tahun ini, boleh berbangga dengan pelbagai pencapaian dan sumbangan kepada pembangunan negara khususnya Sabah.

Ditubuhkan pada 24 November 1994, universiti kesembilan di Malaysia itu memberi banyak sumbangan khususnya peluang pekerjaan, melaksanakan kajian, khidmat bakti pelajar dan pembukaan kampus cawangan serta pusat kajian di seluruh negeri.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah,

berkata walaupun usia 20 tahun dianggap muda, sumbangan UMS dalam pelbagai bidang kepada pembangunan negeri ini tidak dapat dinafikan.

Pelbagai pencapaian

"Pelbagai pencapaian itu akan dijadikan dorongan untuk UMS berusaha lebih gigih agar lebih banyak kejayaan dapat dilakar tahun ini dan selanjutnya, sejajar komitmen menjadi sebuah universiti yang disegani," katanya pada majlis pelancaran sambutan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan UMS, semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib



Mohd Harun (dua dari kanan) menyertai aktiviti berbasikal pada Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan UMS, semalam.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Shahril Yusof dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.

Sempena sambutan ulang tahun UMS, pelbagai acara di-

adakan termasuk aktiviti menanam pokok buah-buahan sekitar kampus dan pelancaran tapak menara jam.

Menara jam setinggi sembilan meter yang bakal menjadi mercu tanda baru universiti berkenaan dibina di tengah bulatan UMS dan dijangka siap Jun depan.